

Pemeriksaan kesihatan tentera setiap 4 tahun

UM 7 JUL 2001

Oleh MOHAMAD RADZI

MOHD. ZIN

KUALA LUMPUR 6 Julai — Semua anggota dan pegawai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diwajibkan menjalani pemeriksaan kesihatan menyeluruh setiap empat tahun sekali untuk memastikan mereka bebas daripada penyakit berbahaya termasuk HIV dan AIDS.

Pengarah Kesihatan ATM, Brigedier Jeneral Dr. Abd. Razak Md. Yusoff berkata, selain pemeriksaan berjadual itu, mereka yang bakal mengikuti mana-mana kursus juga diwajibkan menjalani pemeriksaan.

Katanya, memiliki anggota tentera yang sihat adalah penting dan aspek itu ditekankan sejak dari proses pemilihan anggota.

Beliau berkata, ATM mengenakan tiga kali pemeriksaan kesihatan terhadap anggota barunya iaitu semasa pendaftaran, apabila diterima masuk dan sebelum dihantar bertugas ke unit masing-masing.

"Penekanan yang sama juga diberikan kepada mereka yang menyertai misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di mana pemeriksaan akan dibuat sebelum berlepas, apabila pulang dan enam bulan selepas tempoh itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Forum Anti AIDS sempena Hari Keluarga Markas Tentera Darat di Kementerian Pertahanan di sini hari ini.

Presiden Majlis AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir turut

diundang sebagai penceramah dalam forum tersebut.

Dr. Razak berkata, tahap pendidikan di kalangan warga ATM berhubungan bahaya virus HIV adalah memuaskan tetapi ia perlu selalu diulang.

Katanya, walaupun perkara itu tidak serius dalam ATM tetapi pihaknya mempunyai program strategi untuk jangka panjang membendung virus tersebut.

Bagaimanapun, katanya, sebarang kes berkai-

tan jangkitan virus itu akan disiasat dengan teliti untuk mengetahui punca dan menyelesaikannya.

"Kemajuan tidak boleh dilihat dalam tempoh singkat dan kita mahu mempunyai angkatan tentera yang sihat," tambahnya.

Sementara itu, Marina berkata, statistik kesihatan PBB mendapati jumlah kematian disebabkan HIV dan AIDS sehingga tahun 2000 ialah 21.8 juta orang.

Katanya, jumlah mereka yang dijangkiti virus itu diseluruh dunia pula ialah 36.1 juta termasuk 4.3 juta terdiri daripada kanak-kanak berumur 15 tahun ke bawah.

Turut hadir pada majlis itu ialah Panglima Tentera Darat, Tan Sri Md. Hashim Hussein.

Sempena majlis itu, pameran mengenai HIV dan AIDS turut diadakan dan warga ATM juga berpeluang menjalani ujian HIV dan Hepatitis secara percuma.